

# **SEKATA**

JURNAL PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN BAHASA

JILID 8 BILANGAN 1  
JUN 1990

ISSN 0217-4627  
JA ZULHIJjah 1410

- PELITA BAHASA MELAYU I  
— SATU TINJAUAN SEMULA
- BAHASA MELAYU  
[penggunaan, tatabahasa & sebutan]
- PENGGUNAAN BAHASA MELAYU  
DI SINGAPURA:  
SATU KAJIAN KES DI GEYLANG,  
SINGAPURA
- MEMBINA DAN MENGGALAKKAN  
KEBOLEHAN MEMBACA DAN BERFIKIR  
ANAK-ANAK

JAWATANKUASA BAHASA MELAYU, SINGAPURA  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN & PENERANGAN  
SINGAPURA

**JAWATANKUASA  
BAHASA MELAYU  
SINGAPURA**

Pengerusi  
HAJI SIDEK SANIFF  
Setiausaha Kehormat  
ALMUDDIN HASHIM  
Anggota  
YATIMAN YUSOFF  
HAJI WAN HUSSIN ZOOHRI  
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD  
HAJI SURATMAN MARKASAN  
Dr. LIAW YOCK FANG  
HAWAZI DAIFI  
HASHIM YUSOF  
AHMAD THANI AHMAD  
HARUN A. GHANI  
KASMADI HAJI NASIR  
MOHAMED NAIM DAIFI  
Drs. MASRAN SABRAN  
M. RAMAN DAUD  
M. RIDWAN KAMARI  
SITI HANIFAH MUSTAPHA  
HADIJAH RAHMAT

**KANDUNGAN**

Muka	
Daripada Editor	<b>3</b>
PELITA BAHASA MELAYU I – SATU TINJAUAN SEMULA – Liaw Yock Fang	<b>5</b>
BAHASA MELAYU [penggunaan, tatabahasa & sebutan] – Haji Muhammad Ariff Ahmad	<b>14</b>
PENGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA: SATU KAJIAN KES DI GEYLANG, SINGAPURA – Rokzana Bibi	<b>31</b>
MEMBINA DAN MENGGALAKKAN KEBOLEHAN MEMBACA DAN BERFIKIR ANAK-ANAK – Kasmadi Haji Nasir	<b>40</b>

**SIDANG EDITOR  
SEKATA**

Jilid 8 Jun 1990  
Bilangan 1 Zulhijjah 1410  
  
Ketua Editor  
HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD  
  
Timbalan Ketua Editor  
MOHAMED NAIM DAIFI  
  
Editor  
HAJI SURATMAN MARKASAN  
HARUN A. GHANI  
M. RAMAN DAUD

*SEKATA diterbitkan setahun dua kali, tiap-tiap bulan Jun dan Disember oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura, Kementerian Perhubungan dan Penerangan, Singapura. Sidang Editor berhak menyunting dan meminda setiap karangan yang diterima tanpa mengubah maksud asalnya. Tulisan yang diterbitkan dalam jurnal ini tidak semestinya merupakan pendapat Jawatankuasa Bahasa Melayu, Singapura dan Sidang Editor. Setiap karangan boleh diterbitkan kembali dengan syarat mendapat kebenaran daripada Pengerusi JBMS atau Sidang Editor.*

*Surat-surat boleh dialamatkan kepada:*

*Setiausaha Kehormat  
Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura,  
Kementerian Perhubungan & Penerangan,  
Bangunan PSA, Tingkat 37,  
460, Alexandra Road,  
Singapura 0511.*

## *Daripada Editor . . .*

---

*Sebelum Bulan Bahasa 1990 dilaksanakan sepanjang bulan Mac tahun ini, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura telah memutuskan dan merekomendkan kepada Pemerintah supaya penggunaan bahasa Melayu dengan sebutan baku harus sudah dapat dimulakan dalam masa tiga hingga lima tahun dari sekarang. Penggunaan sebutan baku itu adalah merupakan penyempurnaan penggunaan bahasa Melayu baku.*

*Ejaan baku bahasa Melayu telah kita gunakan semenjak 1972 dan penggunaan tatabahasa baku pula telah dapat dilaksanakan semenjak buku pelajaran bahasa Melayu yang diusahakan oleh Institut Perkembangan Kurikulum Singapura (CDIS) digunakan di semua sekolah; maka apabila sebutan baku ini dapat kita gunakan, akan menjadi sempurnalah penggunaan bahasa Melayu baku - lengkap ketiga-tiga aspek bahasa baku itu kita gunakan.*

*Antara kandungan ucapan YB Brig-Jen George Yeo ketika merasmikan Bulan Bahasa 1990 pada Jumaat 2 Mac 1990 dahulu ialah bahawa selain daripada fungsinya sebagai pemantap kebudayaan, bahasa Melayu itu akan menjadi bahasa penghubung dalam urusan ekonomi di rantau Tenggara Asia. Jika benar bahasa Melayu akan menjadi jambatan emas titian pemakmur ekonomi di rantau ini, maka langkah bahagianya jika pada*

masa itu kita semua telah dapat menguasai bahasa Melayu baku secara total – baku tatabahasanya, baku ejaaannya dan baku sebutannya – sama seperti pengguna bahasa itu di daerah-daerah lain.

Dalam majlis penutup Bulan Bahasa itu pada 23 Mac 1990 pula, YB Encik Yatiman Yusof, dalam ucapannya selaku Timbalan Pengerusi Bulan Bahasa, bukan sahaja telah beliau isytiharkan keputusan Jawatankuasa Bahasa mahukan sebutan baku digunakan dalam masa tiga ke lima tahun dari sekarang, malah telah beliau sampaikan ucapannya itu dengan sebutan baku. Tidak ada sesuatu yang aneh atau pun yang mencemarkan ucapannya yang disampaikan dalam sebutan baku itu.

Sementara pihak yang rasmi merancang dan mengatur strategi untuk mendidik pengguna bahasa Melayu bertutur dengan sebutan baku itu, rasanya, tidaklah menyalahi adat jika pengguna umum mula membiasakan diri bertutur dengan sebutan baku itu dari sekarang.

Boleh kita mulakan sekarang dengan menyebut kata-kata baru yang belum cukup sebat sebagai bahasa Melayu dengan sebutan sistem fonemik misalnya: **agenda** [sebut agenda jangan ‘ajenda’ atau ‘ajinda’]. Demikian dengan yang lain-lain seperti **dialog**, **dialek**, **akronim**, **unik**, **universiti**, **republik**, **industri** dan lain-lain yang seumpamanya.

Langkah kedua: berdasarkan kata-kata seperti **bola** [tak pernah kita sebut ‘bole’] dan **pola** [tak pernah kita sebut ‘pole’] maka sebutlah kata-kata tanpa, **asmara**, **India**, **acara**, **nota**, **bahasa**, **negara**, **bahana** dan lain-lain sebagaimana sepatutnya.

Langkah selanjutnya kita betuli sebutan ‘i’ dan ‘u’ sebagaimana mestinya, misalnya **gigih** [jangan disebut ‘gigeh’], **minum** [jangan disebut ‘minom’]. Sebutlah kata-kata **tidur**, **didik**, **duduk**, **kedudukan**, dan sebagainya dengan sistem fonemik.

Langkah seterusnya ialah menatarkan kemampuan bertutur dengan sebutan baku itu berlandaskan alih bisa tegal biasa yang positif. Insya Allah kita akan berjaya!

## PELITA BAHASA MELAYU I – SATU TINJAUAN SEMULA

Oleh: Liaw Yock Fang

Pelita Bahasa Melayu I, karya Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba) selesai disusun di Singapura pada 5hb Julai 1940. 25 tahun kemudian, iaitu tahun 1965 dicetak-ulang untuk kelima kalinya. Pengaruh tatabahasa ini dapat dibayangkan. Sampai hari ini, karya Za’ba masih dikutip dan diulang orang. Sayang, ulasan itu (Liaw, 1985, hal. 3-4; Harimurti, 1989, hal. 934-35) lebih banyak ditumpukan pada definisi golongan atau jenis kata yang diberikan Za’ba, misalnya:

- (1) Nama: “Iaitu segala perkataan menyebut benda atau orang, seperti **budak**, **burung**, **kaki**, **tahun**, **bulan**, **saya**, **dia**, dan sebagainya.”
- (2) Perbuatan: “Iaitu segala perkataan menyebut perbuatan yang dikerjakan atau keadaan yang diadakan, seperti **ambil**, **beri**, **duduk**, **mahu**, **ada**, **jadi**, **dapat**.”

- (3) Sifat: "Iaitu segala perkataan yang menerangkan atau menunjukkan sifat suatu nama atau perbuatan atau lainnya seperti besar, bodoh, pandai, segera, selalu."
- (4) Sendi: "Iaitu perkataan yang menyambungkan antara perkataan dengan perkataan atau antara bahagian-bahagian cakap, seperti dengan, oleh, akan, dan, atau, tetapi, jika."
- (5) Seruan: "Ialah perkataan-perkataan yang semata-mata gunanya bagi mengeluarkan perasaan hati ketika memanggil, terperanjat, hairan, mengejek, sakit, hiba, marah dan sebagainya, seperti oh, wah, cih dan lain-lain lagi seperti itu."
- (Za'ba, 1965, hal. 81)

Bagaimanakah Za'ba menentukan jenis kata dan apakah yang menjadi pegangannya kurang mendapat perhatian para sarjana. Ini mungkin disebabkan cara penulisan Za'ba yang kurang sistematis. Za'ba dalam **Pelita Bahasa Melayu I** sebenarnya telah mengemukakan satu kaedah penggolongan jenis kata yang sampai sekarang masih menjadi pegangan para ahli bahasa, iaitu menentukan jenis kata dengan berdasarkan fungsi atau posisi itu di dalam ayat.

Za'ba mengemukakan kaedah ini semasa menerangkan "perkataan yang boleh berlain-lain jenis", saya kutip:

"Ada beberapa banyak perkataan yang boleh bertukar-tukar jenisnya terkadang ia jadi nama, terkadang jadi perbuatan, dan terkadang jadi sifat, dan terkadang jadi sendi, iaitu mengikut masing-masing kerjayanya dan maknanya dipakai dalam rangkaian cakap; tetapi perkataannya itu juga tiada berubah". (Za'ba, 1965, hal. 91)

**Mengikut masing-masing kerjanya dan maknanya dipakai dalam rangkaian cakap** ialah apa yang disebut oleh ahli bahasa sebagai mengikut fungsi kata itu di dalam ayat. Za'ba lalu mengetengahkan perkataan **dalam** yang boleh digolongkan ke dalam golongan kata sifat (Za'ba: sifat nama), kata nama dan kata depan (Za'ba: sendi nama).

1. Perigi itu terlalu **dalam**. (sifat)
2. **Dalamnya** lubuk itu tiga kali orang. (nama)
3. Duit tu saya simpan **dalam** peti. (sendi)

Demikian juga kata **tawar** boleh digolongkan ke dalam kata nama, kata kerja (Za'ba: perbuatan) atau kata sifat:

1. Tok dukun itu pandai berjenis-jenis **tawar** dan jampi. (nama)
  2. Bolehkah saya **tawar** harga ini? (perbuatan)
  3. Gulai kamu ini **tawar** sahaja tiada terasa garam. (sifat)
- (Za'ba, 1965, hal. 92)

Penggunaan fungsi atau kerja yang dilakukan sepatah perkataan untuk menentukan jenis kata lebih jelas lagi, ketika Za'ba menghuraikan perbezaan antara kata sifat (Za'ba: sifat nama) dan kata keterangan (Za'ba: sifat kata); kata kerja dan kata keterangan, kata depan (Za'ba: sendi nama) dan kata penghubung (Za'ba: sendi kata): saya kutip.

### I. Perbezaan kata sifat dan kata keterangan

Sifat Nama	Sifat Kata
1. Rumah <b>lama</b> itu sudah runtuh.	Saya <b>lama</b> diam di sana.
2. Bukit terlalu <b>tinggi</b> .	Burung itu terbang terlalu <b>tinggi</b> .
3. Wang saya <b>sedikit</b> sahaja.	Perlahan <b>sedikit</b> bercakap.
4. Lembu <b>baharu</b> kereta pun <b>baharu</b> .	Baharu sekali masuk Melaka.
5. Suaranya sangat <b>perlahan</b> .	Perlahan <b>sedikit</b> bercakap.

(Za'ba, 1965, hal. 154, 167)

Dari contoh di atas jelas bahawa kata sifat ialah perkataan yang memberi penerangan kepada kata nama sedangkan kata keterangan atau sifat kata ialah perkataan yang menerangkan kata kerja dan kata keterangan lainnya.

## II. Perbezaan kata kerja dan kata keterangan

Perbuatan	Sifat Kata
1. Tiap-tiap hari ia berulang ke sini.	Ia bertanya <b>berulang-ulang</b>
2. Kamu tidak bersungguh-sungguh.	Hendaklah kita bekerja <b>bersungguh-sungguh</b> .
3. Ia sedang berlari-lari ke sana ke mari.	Ia pun datang <b>terlari-lari</b> mendapatkan saya.

(Za'ba, 1965, hal. 154, 168)

Kata kerja atau perbuatan ialah segala perkataan yang menunjukkan segala perbuatan yang dilakukan, sedangkan kata keterangan (Za'ba: sifat kata) ialah perkataan yang menerangkan kata kerja atau menunjukkan sifat perbuatan.

## III. Perbezaan kata depan dan kata penghubung

Sendi Nama	Sendi Kata
1. Mati semut kerana gula.	Ia tiada datang kerana ayahnya sakit.
2. Marilah pergi serta hamba.	Perutnya sakit serta memulas.
3. <b>Sebab</b> itulah ia lari.	Ia lari <b>sebab</b> ayahnya marah.
4. Begitulah diperbuatnya <b>hingga</b> pagi.	Ia membaca <b>hingga</b> sakit kepalanya.

Cara yang paling baik untuk membezakan kata depan atau sendi nama dengan kata penghubungan (sifat kata) ialah memperhatikan apakah kata/frasa atau ayat yang mengikuti kata yang sedang dibahas. Kata depan selalunya diikuti oleh kata/frasa nama sedangkan kata penghubung diikuti ayat yang boleh berdiri sendiri. Misalnya ayat-ayat yang didahului sendi kata di atas boleh ditulis semula sebagai berikut:

1. Ayahnya sakit.
2. Perutnya memulas.
3. Ayahnya marah.
4. Sakit kepalanya.

Walau kaedah yang dikemukakan Za'ba itu betul, contoh-contoh yang diberikannya kadang-kadang kurang tepat. Ini tampak jelas semasa Za'ba membentangkan perbezaan kata nama dan kata keterangan (Za'ba, sifat kata):

Nama Atau Gantinya	Sifat Kata
1. Pada esoknya ramailah orang datang.	Esok saya bawa dia bersama-sama.
2. Pagi ini baharu ia tiba.	Saya tiba itu pagi benar lagi.
3. Saya berhenti dua malam di sana.	Saya tiba semalam.

Esok, pagi dan malam yang digolongkan Za'ba ke dalam golongan kata nama atau gantinya itu sebenarnya sifat kata juga, kerana kata-kata menerangkan bila dan untuk berapa lama sesuatu perbuatan itu berlaku. Esok, pagi, dan malam baharu boleh dianggap sebagai kata nama atau gantinya kalau dipakai di dalam ayat-ayat di bawah ini:

1. Esok hari Sabtu.
2. Pagi ini sejuk.

3. Dua malam sudah cukup.

Demikian juga pagi yang digolongkan ke dalam golongan sifat kata juga kurang tepat, kerana pagi di dalam ayat itu tidak menerangkan perbuatan tiba melainkan hal tibanya. Saya tiba itu adalah klausa nama yang berfungsi sebagai frasa nama, sehingga ayat itu boleh ditulis semula:

Ketibaan saya itu pagi benar lagi.

Ketibaan saya itu adalah frasa nama dan kata yang menerangkan kata/frasa nama patut digolongkan ke dalam golongan kata sifat atau sifat nama.

Kerja yang disempurnakan sepatah perkataan itu ada namanya, iaitu subjek (Za'ba: benda), predikat (Za'ba: cerita), predikator (Za'ba: hal) objek (Za'ba: penyambut) dan komplemen (Za'ba: pencukup) (Liaw, 1965, hal. 165-175; Za'ba, 1965, hal. 264-276). Kemudian Za'ba menjelaskan fungsi atau kuasa daripada beberapa jenis kata, misalnya kata nama, kata kerja, kata sifat dan kata depan.

Fungsi atau kuasa kata nama yang disebut ialah:

(1) **benda atau pembuat**

Budak itu berjual kuih.

Budak itu jahat benar.

(2) **cerita**

Saya ini abangnya.

Dialah ketua di sini.

(3) **pencukup**

Dia jadi guru di sana.

Panggillah dia abang.

Kata nama atau gantinya masih boleh berfungsi sebagai objek (penyambut) atau objek kepada frasa depan yang disebut Za'ba sebagai kuasa ke bawah atau rebah:

Panggillah budak itu.

Saya selalu berkawan dengan dia.

Perlu disebut di sini bahawa kata nama yang berfungsi sebagai objek kepada frasa depan itu dikatakan Za'ba sebagai "kena kuncikan oleh sesuatu sendi nama".

Di samping itu kata nama masih boleh berfungsi sebagai penerang atau atributif (Za'ba: kuasa sandaran) di dalam rangkai kata seperti buah kayu, peti kayu dan sebagainya (Za'ba: 104). Huraian Za'ba ini, walaupun kurang lengkap, adalah bersesuaian dengan nahu moden seperti yang dipaparkan di dalam *Nahu Melayu Moden* (Liaw, 1985, hal. 18-9).

Fungsi kata kerja yang disebut oleh Za'ba ada tiga, iaitu:

(1) **cerita**

Dia tidur di sini.

Orang itu ada di sana.

(2) **"perbuatan nama" yang berfungsi sebagai subjek dan objek**

Bercakap bohong itu dibenci orang. (subjek)

Ia tiada tahu membaca dan menulis. (objek)

(3) **"perbuatan sifat" yang fungsinya sama dengan adverba (adverbial):**

Ia duduk menangis.

Budak itu jatuh terduduk.

(Za'ba: 1965, hal. 146, 148)

Huraian Za'ba ini tidak salah sebenarnya. Hanya saja ahli bahasa moden akan menggolongkan perkataan-perkataan yang berfungsi sebagai subjek dan objek, baik kata kerja, maupun kata sifat ke dalam golongan kata nama. Yang berfungsi sebagai adverba pula akan digolongkan ke dalam golongan kata keterangan. Dalam hubungan ini, **bercakap**, **membaca** dan **menulis** patut digolongkan ke dalam golongan kata nama. **Menangis** dan **terduduk** boleh digolongkan ke dalam kata keterangan.

Fungsi kata sifat (Za'ba: sifat nama) ada dua iaitu

- (1) **cerita** (komplemen subjek)

Baju saya **baru**.

Guru itu **pandai**.

- (2) **pencukup** (komplemen objek)

Saya lihat dia **susah**.

Disangkanya saya **gila**.

Di samping itu, kata sifat masih boleh dipakai sebagai penerang kata nama, misalnya **baru** dalam baju **baru**, **pandai** dalam guru yang **pandai**. Huraian Za'ba tentang fungsi kata sifat cukup moden sifatnya, walaupun tidak semua fungsi kata sifat disebutnya (Liaw, 1985, hal. 46-7).

Dengan perkataan lain, Za'ba mengatakan penggolongan jenis kata haruslah berdasarkan kerja atau fungsi perkataan itu di dalam ayat: kalau perkataan itu menamakan sesuatu benda, kata itu adalah kata nama; kalau perkataan itu menunjukkan perbuatan yang dilakukan, kata itu adalah kata kerja; kalau perkataan itu menerangkan perkataan lain, ada dua kemungkinan di sini; kalau perkataan itu yang diterangkan itu kata nama atau kata ganti, perkataan itu adalah kata sifat (Za'ba: sifat nama); kalau perkataan yang diterangkan adalah kata kerja atau kata keterangan (Za'ba: sifat kata), perkataan itu adalah kata keterangan; kalau perkataan itu menandakan persangkutan/kaitan kata, perkataan itu adalah kata depan (Za'ba: sendi nama); kalau perkataan itu menerangkan perhubungan dua

ayat yang bercerai, perkataan itu adalah kata penghubungan (Za'ba: sendi kata) dan kalau perkataan itu menyerukan perkataan, perkataan itu adalah kata seru.

Mudah-mudahan makalah pendek ini dapat menolong pembaca sekalian untuk memahami **Pelita Bahasa Melayu I**, sebuah nahu yang patut mendapat perhatian kita, walau usianya sudah mencapai setengah abad.

---

#### DAFTAR BACAAN

**Harimurti Kridalaksana**

1989 "Sejarah Pembahagian kelas kata Dalam Bahasa Melayu Dan Bahasa Indonesia", Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 33, Bil. 11, hal. 829-42.

**Liaw Yock Fang**

1985 *Nahu Melayu Moden*, Singapura, Pustaka Nasional.

**Norman C. Strageberg**

1981 *An Introduction to English Grammar*, New York, Holt, Rinehard & Winston.

**Zainal Abidin Ahmad**

1962 *Pelita Bahasa Melayu II*, London, Macmillan & Co. Ltd.

1965 *Pelita Bahasa Melayu I*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa & Pustaka.

# BAHASA MELAYU

## [penggunaan, tatabahasa & sebutan]\*

Haji Muhammad Ariff Ahmad

### ○ MUKADIMAH

#### Yang dikatakan Bahasa

Ada dua ragam bahasa yang dipakai pengguna bahasa menurut yang dipentingkan masing-masing. Kedua ragam itu ialah **Bahasa Lisan** dan **Bahasa Tulisan**. Bahasa Lisan melibatkan **sebutan** dan **lagu bahasa** yang betul, manakala Bahasa Tulisan melibatkan **ejaan** yang betul lagi baku.

Kedua Bahasa Lisan dan Bahasa Tulisan itu harus menggunakan **tatabahasa** yang betul lagi baku.

Ada dua macam pula cara orang berbahasa. Ada yang menggunakan bahasa **prosa** dan ada pula yang menggunakan bahasa **puisi**. Berbahasa **prosa** seseorang itu diperlukan mengetahui **tatabahasa** yang betul,

\*Telah disampaikan kepada Bintang Acara SBC di bilik Syarahan SBC pada Sabtu 20 Oktober 1990.

manakala **puisi** pula memerlukan rima dan irama yang indah serta intuisi dan simbolikan yang bernas.

Bagaimanapun, dalam jangkawaktu yang sangat terbatas, apatah lagi saya hanya diminta menerangkan sekadarnya tentang penggunaan, tatabahasa dan sebutan bahasa Melayu yang betul sahaja, maka dalam ceramah ini, akan saya bincangkan perkara-perkara itu setakat yang saya fikir penting sahaja.

### ○ KANDUNGAN BAHASA

1. Apabila kita menyebut **bahasa** sedarlah kita bahawa dalam bahasa itu terkandung apa yang disebut **bahan bahasa**, dan yang disebut **tatabahasa**.

2. **Bahan bahasa** ialah kekata-kekata yang merupakan hal-hal yang dijadikan perutusan yang hendak disampaikan. Kekata yang digunakan dalam tiap bahasa itu boleh jadi merupakan:

2.1 **kekata yang asli** milik bahasa itu sendiri yang terjadi selaras dengan perkembangan pemikiran dan kebudayaan bangsa itu, atau pun...

2.2 **kekata yang terambil** daripada bahasa asing yang mempengaruhi perkembangan sesuatu bahasa itu.

3. **Kata asli** bahasa Melayu boleh dikatakan:<sup>1</sup>

Kajian singkat boleh menunjukkan bahawa **kata dasar** Melayu yang asli ini diasaskan dari bunyi-bunyi yang berlaku dalam diri atau di keliling hidup orang Melayu. Bunyi-bunyi tunggal disebut **akar kata**. Apabila akar kata itu diawali dengan bunyi pembentuk, maka dua bunyi yang bersatu itu melahirkan **kata dasar**.

3.1 Jadi, bunyi pembentuk + akar kata (a.k.) = **Kata dasar.** (k.d.)

3.2 Contoh kata dasar yang terbentuk menurut kaedah 3.1 ialah:

1. Lihat S.T. Alisjahbana, Tatabahasa Baru Indonesia Buku 2 Bab 3 fasal 5.

- a.k. pak jadi k.d. **kapak, sepak, lepak, tapak.**
- a.k. tar jadi k.d. **ketar, datar, getar, dll.**
- a.k. suk jadi k.d. **masuk, pesuk, tusuk dsb.**

3.3 Banyak sekata Melayu baru yang asli dan yang masih terpakai sekarang merupakan akronim dari sekata Melayu sendiri atau dari dialek, misalnya:

- natar** dari kata: **naik taraf**
- jantina** dari kata **jantan atau betina**
- tadika** dari kata **taman didikan kanak-kanak**
- cerpen** dari kata **cerita pendek**
- jejatas** dari kata **jambatan jalan atas**  
dan yang sebagainya.

#### 4. Kata ambilan

4.1 Banyak sekali sekata asing yang terambil dan terpakai sebagai bahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana telah berabad-abad lamanya kehidupan orang Melayu dicampuri kehidupan manusia yang datang dan tinggal bersama di negara kita.

4.2 Contoh antara sekata yang **terambil** dari bahasa:<sup>2</sup>

- **Sanskerta:** **agama; sederhana; puasa; suasana; puteri; permaisuri** dan yang sebagainya.
- **Tamil:** **apam; kolam; nilam; logam; ragam; kuil; kedai; keldai; mempelai** dan yang sebagainya.
- **Davida:** **kuda; loji, belanja** dan sebagainya.
- **Hindi:** **cuti; curi; culi; lucah; sundal** dan yang sebagainya.

2. Lihat Ramli Abdul Hadi, kertas ceramah kepada PERWANIT 19 Sept 1964.

- **Arab:** **ajal; awal; akhir; akhbar; hukum; rukun; sabar; makna; kiamat** dan yang sebagainya.
- **Farsi:** **daftar; nakhoda; maulana; syahbandar; kahwin; temasya; khenduri** dan yang sebagainya.
- **Cina:** **loteng; tekoh; cawan; kuntau; anglo; mi; dacing; tocang; tongkang** dan yang sebagainya.
- **Portugis:** **bendera; kemeja; biola; jendela; mentega; soldadu; padri** dan yang sebagainya.
- **Belanda:** **duit; ransum; taksir; toples; pekan; [via Indonesia] organisasi; revolusi** dan yang sebagainya.
- **Inggeris:** **enjin, stesen; tiket; motokar; mesin; telefon** dan banyak lagi.

4.3 Semua sekata ambilan itu, walau dalam apa bentuk katanya, apabila digunakan sebagai bahan bahasa Melayu maka sekata itu:

- mana-mana yang sudah sebatи disebut ala sebutan Melayu tetapi mana-mana yang baru terambil disebut menurut ejaan bakunya;
- pemprosesan morfologinya tertakluk kepada kaedah prosesan morfologi Melayu.

#### Tatabahasa

5. Dua aspek terpenting mengenai tatabahasa yang perlu kita ketahui ialah **morfologi** dan **sintaksis**. Morfologi membincangkan perubahan bentuk kata yang mengubah makna kata, manakala sintaksis membincangkan susun kata yang membentuk wacana.

6. **Morfologi** Melayu memproses pembentukan kata dengan tiga kaedah; dengan **pengimbuhan**, dengan **pengulangan/penggandaan** dan dengan

majmukan.<sup>3</sup>

7. Ada empat macam imbuhan yang terpakai untuk mengubah kata dasar menjadi kata bentukan. Imbuhan itu dikenal dengan sebutan awalan, akhiran, sisipan dan apitan.

7.1 awalan-awalan ber.. ter.. di.. ke.. se.. per.. \*me..<sup>4</sup> dan \*pe..<sup>4</sup> terpakai dalam kata bentukan seperti berikut:

- ber+songkok = bersongkok
- ter+duduk = terduduk
- di+ambil = diambil
- ke+kasih = kekasih
- set+jumlah = sejumlah
- per+mudah = permudah
- \*me+tabur = menabur<sup>4</sup>
- \*pe+kail = pengail<sup>4</sup>

7.2 akhiran-akhiran an, kan, i dan nya terpakai pula dalam kata bentukan seperti:

- minum+an - minuman
- besar+kan = besarkan
- baik+i = baiki
- cantik+nya = cantiknya.

7.3 sisipan ..el.. ..em.. ..er.. ..emel.. dan ..emer.. terpakai dalam kata bentukan seperti:

- patuk disisip el jadi pelatuk
- guruh disisip em jadi gemuruh
- cacak disisip er jadi ceracak
- gatuk disisip emel jadi gemelatuk
- gencing disisip emer jadi gemerencing

7.4 Apitan-apitan seperti ber..an, ke..an, me..kan, me..i, pe..an dan per..an terpakai dalam kata bentukan seperti:

- ber+hampir+an = berhampiran
- ke+kacau+an = kekacauan
- me+lari+kan = melarikan
- me+masuk+i = memasuki
- pe+rasa+an = perasaan
- per+main+an = permainan

8. Ada empat macam juga kata ganda atau kataulang yang boleh mengubah bentuk dan makna kata dasar, iaitu kata ulang jati, kata ulang semu, kata ulang berimbuhan dan kata ulang tingkah.<sup>5</sup>

8.1 kata ulang jati ialah kata dasar yang diulang sebutannya, misalnya:

- kuda diulang jadi: kuda-kuda
- siapa diulang jadi: siapa-siapa
- duduk diulang jadi: duduk-duduk

8.2 Kata ulang semu ialah kata ulang yang memang sedia terulang; tidak dapat dipastikan kata dasarnya, misalnya seperti:

- agar-agar
- epok-epok
- kisi-kisi
- labah-labah
- kunang-kunang
- ondeh-ondeh
- anai-anai
- kura-kura

8.3 Kedua-dua kata ulang jati dan kata ulang semu itu boleh juga disebut separuh kata dasarnya, dalam bentuk ini kata ulang itu disebut kata ulang separa, misalnya:

- kuda-kuda disebut: kekuda
- siapa-siapa disebut: sesiapa

3. Lihat Kader Bros, Panduan Tatabahasa Melayu 1988 muka surat 61-87.

4. Idem muka surat 65.

5. Lihat Kader Bros Panduan Tatabahasa Melayu 1988 muka surat 91-100.

## Sintaksis

10. Sintaksis ialah kaedah penyusunan kekata supaya menjadi wacana yang sempurna. Sintaksis membentuk frasa, klausa dan ayat.
  11. Ciri yang pokok bagi sintaksis Melayu ialah penyusunan menurut hukum d/m, iaitu mendahulukan yang diterangkan dan mengemudiankan yang menerangkan. Frasa Melayu menyebutkan baju merah; gadis manis; rumah besar; abang saya dan sebagainya; bukan menyebutkan sebaliknya seperti merah baju; manis gadis; besar rumah; saya abang atau yang seumpamanya.
  12. Frasa termasuk golongan kata gabungan. Ada tiga macam kata gabungan yang masing-masing dikenal sebagai gabungan biasa; gabungan parataksis dan gabungan kata majmuk [yang sudah dibincangkan sebelum ini].
  13. Gabungan biasa termasuk frasa biasa; frasa asalan; frasa milikan dan frasa ungkapan.<sup>6</sup>
    - 13.1 termasuk frasa biasa ialah satu padu, orang tua, tukang masak, profesor madya dan yang sebagainya.
    - 13.2 termasuk frasa asalan ialah rumah batu, sepatu kulit, cincin emas, songkok baldu dan banyak lagi.
    - 13.3 termasuk frasa milikan pula ialah bendera Negara, Lagu Kebangsaan, baju Melayu, kotak pos dan yang seumpamanya, dan.
    - 13.4 yang termasuk frasa ungkapan ialah seperti anak emas, terima kasih, rumah sakit, kerusi malas, menteri muda, keras kepala dan yang seumpamanya.
  14. Ada dua macam frasa yang disebut parataksis, iaitu parataksis menyaling dan parataksis menyilang.

Lihat lampiran 2

- 14.1 parataksis menyaling ialah seperti pecah belah, putar belit, sangkut paut, kampung halaman, kain baju, fakir miskin, ilmu pengetahuan dan yang seumpamanya.
- 14.2 parataksis menyilang pula ialah seperti besar kecil, miskin kaya, siang malam, hidup mati, buruk baik, suami isteri, hilir mudik dan sebagainya.
15. Yang dikatakan ayat ialah wacana yang lengkap dengan subjek dan predikatnya. Subjek ialah sama ada kekata mahupun frasa yang menjadi gatra diterangkan dalam sesepotong ayat, manakala predikat ialah kekata atau frasa yang menjadi gatra menerangkan ayat itu.<sup>7</sup>
16. Ada tiga macam struktur ayat Melayu; masing-masing dikenal sebagai **ayat tunggal, ayat majmuk** dan **ayat kompleks**.
- 16.1 Ayat tunggal ialah ayat yang hanya punya satu subjek dan satu predikat sahaja. Ayat tunggal itu pula ada dua macam iaitu **ayat tunggal bersahaja** dan **ayat tunggal lanjut**.
- yang ayat tunggal bersahaja, seperti:
    - Bapa menangkap ikan.**
    - Dia abang saya.**
    - Abang saya pandai.**
  - yang ayat tunggal lanjut pula, seperti:
    - Buku merah di atas meja itu tebal.**
    - Saya baru selesai membaca buku itu.**
- [ayat tunggal lanjut ialah ayat tunggal yang sama ada subjek atau predikatnya diperluas]
- 16.2 Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi dua atau lebih ayat tunggal, misalnya:
- Kasim mengambil buku itu lalu membacanya.  
= Kasim mengambil buku itu;  
+ Kasim membaca buku itu.
  - Ahmad dan abangnya gemar mendengar radio.  
= Ahmad gemar mendengar radio;  
+ Abangnya gemar mendengar radio.
- 16.3 Ayat kompleks ialah ayat yang mempunyai satu klausa induk dan beberapa klausa tak bebas, misalnya:
- Saya akan datang esok jika hari tidak hujan.
  - Walaupun dia sudah dewasa, kelakuannya masih keanakan.  
[yang bergarisbawah itu ialah klausa tak bebas].
17. Ayat-ayat yang tertera dalam contoh 16.1, 16.2 dan 16.3 di atas dinyatakan dalam **ragam berita**. Ayat-ayat boleh juga dinyatakan dalam **ragam kehendak, ragam tanya** dan **ragam seru**.
- 17.1 Contoh ayat ragam kehendak:
- yang menunjukkan arahan:  
 **tangkap pencuri itu.**  
 **garap kerja itu sekarang juga.**
  - yang menunjukkan suruhan/permintaan:  
 **belikan saya buku itu.**  
 **sila minum air itu.**
  - yang menunjukkan tegahan:  
 **jangan usik basikal itu.**
- 17.2 Contoh ayat ragam tanya:
- Sudikah tuan membantu keluarga itu?**
  - Apakah yang mendorong saudara ke mari?**

7. Lihat Kader Bros, Panduan Tatabahasa Melayu 1988 muka surat 101–114.

17.3 Contoh ayat ragam seru:

- Wah! Bergaya sungguh awak, hari ini!
- Syabasy! Selamat berjaya!

18. Bertutur atau menulis dengan menggunakan ayat aktif kurang menimbulkan masalah, tetapi apakah seseorang itu bertutur atau menulis dengan ayat pasif maka bahasa asing yang dikuasainya mempengaruhi pemikirannya sehingga dia terpaksa menggunakan bahasa Melayu yang janggal. Ini disebabkan oleh bahasa Melayu mempunyai dua macam ayat pasif iaitu **pasif jati** dan **pasif semu**.<sup>8</sup>

19. Pasif jati dalam bahasa Melayu hanya terpakai apabila sang pelaku yang dinyatakan dalam ayat itu ialah **orang ketiga**. Pasif jati tidak boleh diterapkan kepada pelaku yang terdiri daripada orang pertama atau kedua.

19.1 Contoh pasif jati bagi orang ketiga:

- Subsidi itu sudah disampaikan pemerintah kepada yang berkenaan.
- Projek itu telah digarapnya dengan sempurna.

19.2 Yang tak boleh digunakan pasif jati:

- Nasi itu telah habis dimakan oleh saya.
- Rumah itu telah dicat oleh awak.

20. Pasif semu boleh diterapkan kepada ketiga-tiga pihak pelaku dengan syarat: ayat itu bersusunan objek-pelaku-perbuatan; antara pelaku dengan perbuatan tidak disisipi oleh sebarang kata; dan kata perbuatannya tidak dipakaikan sebarang awalan kecuali 'per'.

20.1 Contoh pasif semu bagi pelaku pertama:

- Hal itu sudah saya katakan kepadanya.

8. Lihat Prof Dr Asmah Hj Omar, Nahu Melayu Mutakhir muka surat 89.

- Buku itu telah selesai kubaca.

20.2 Contoh pasif semu bagi pelaku kedua:

- Berilah dia apa yang telah anda janjikan.
- Apakah yang awak masak untuk berbuka puasa?

20.3 Contoh pasif semu bagi pelaku ketiga:

- Tuan akan beliau undang ke rumahnya.
- Kambing-kambing itu akan mereka sembelih pada Hari Raya Qurban mendatang.

21. Dalam perbahasan sehari-hari, selain daripada berbahasa menurut sebagaimana yang ditetapkan **tatabahasa**, pengguna bahasa berbahasa juga dengan menggunakan peribahasa. Oleh kerana peribahasa itu adalah 'permulaan puisi' maka ada tentang-tentangnya yang strukturnya, rasa bahasanya dan tanggapan maknanya menampakkan ciri-ciri kepuisian.

22. Bentuk peribahasa yang paling umum, yang kebanyakannya tidak disedari sebagai peribahasa ialah **ungkapan**. Perhatikan beberapa contoh wacana berikut ini dan petikan ungkapan yang terpakai di dalamnya:

- Anak bongsunya baru masuk sekolah tahun ini.  
[masuk sekolah, bukan 'memasuki sekolah']
- Jemaah sekarang pergi ke Makkah naik kapal terbang.  
[naik kapal terbang, bukan 'menaiki kapal terbang']

Demikian pula wacana seperti:

- menunggang motosikal** bukan 'menaiki motosikal'
- naik bukit** bukan 'menaiki bukit'
- memanjat pokok kelapa** bukan 'menaiki pokok kelapa'

dan banyak lagi.

23. Jika bahasa itu dituturkan lagu bahasa menolong pendengar memahami perutusan yang disampaikan penutur dengan tepat. Wacana berikut ini akan menjadi berlainan maknanya jika dibaca dengan lagu yang berbeza:

- wacana: masuk kandang kambing  
baca: masuk kandang kambing?  
baca: masuk kandang.., kambing!  
baca: masuk.., kandang kambing!

24. Cuba baca pula wacana: mereka akan menerima piala pusingan Perdana Menteri, di samping menerima hadiah wang tunai sebanyak \$3,000.00..

- baca dengan lagu: mereka akan menerima piala.. pusingan Perdana Menteri di samping.. menerima wang tunai sebanyak \$3,000.00..
- baca dengan lagu: mereka akan menerima.. piala pusingan Perdana Menteri.. di samping menerima wang.. tunai sebanyak \$3,000.00..

pasti terdapat kelainan maknanya.

25. Akhirnya, mari kita sentuh sedikit tentang **sebutan**. Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura telah memutuskan hendak mula menggunakan sebutan baku dalam masa tiga atau lima tahun dari sekarang. Usaha melaksanakan keputusan itu masih dalam rundingan Jawatankuasa itu dengan Pemerintah.

26. Sebutan baku ialah sebutan yang sama diucapkan oleh pengguna bahasa Melayu di Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan di Singapura. Sebutan baku ini merupakan tahap akhir pembakuan bahasa Melayu. Tatabahasa Melayu telah sedia baku; Ejaan Melayu sudah baku dan digunakan semenjak 1972; Sebutan baku ini pula akan menyempurnakan kebakuan bahasa Melayu.

27. Sebutan baku Melayu ialah sebutan mengikut ejaan yang disekatkan mengikut sistem fonemik, iaitu bunyi mengikut vokal: yang a dibunyikan

‘a’; yang ‘u’ dibunyikan ‘u’ dan sebagainya. Walaupun JBM menjangkakan sebutan itu akan dimulakan antara tiga ke lima tahun dari sekarang, namun untuk membiasakan diri dengan sebutan itu, saya fikir tidak akan salah jika pengguna memulakan dari sekarang!

28. Barangkali, boleh kita mulakan sekarang dengan menyebut kekata asing yang di-Melayukan dengan sebutan mengikut ejaannya, seperti: radio, telefon, televisyen, industri, universiti, unit, unik, stesen, status dan sebagainya.

29. Kemudian kita perkembang pula kebiasaan itu dengan menyebut mengikut ejaan akan kekata yang biasa kita sebut begitu, seperti: bola, pola, tonton, pamer, cocok, tadika dan yang sebagainya. Kemudian barulah kita pertingkat pengembangan kebiasaan kita dengan meng-‘a’, meng-‘i’ dan meng-‘u-o-e’kan yang lain-lain, misalnya:

- saya, kita, lupa, neka, peka, duda, nila, kuda, muda dan yang seumpamanya..
- cilik, bisik, titik, didik, tilik [perhati], cubit, salin, kucing dan yang sebagainya..
- duduk, peluk, minum, kurung, buruk, taruh, bunuh, nyamuk, kabur, kubur dan seterusnya..

30. Jangan tidak, sekadar untuk meninjau, cubalah petikan wacana berikut ini, kemudian betulkan kejanggalan penggunaannya:

- Dia telah menentukan maut ke atas setiap yang mempunyai roh dari sekalian makhlukNya.
- Dialah yang akan mengadili di akhirat nanti antara sekalian penciptaannya.
- Jika ada keraguan, jangan segan-segan! Silalah menghubungi kami di telefon 4590085.
- Sila menulis kepada kami dan menyampaikan surat anda ke meja penyambut tamu tidak liwat dari 13 Oktober 1990 pada jam 17.00 petang.
- Kiriman itu saya tidak akan mengambilnya pada hari Deepavali.


### Kejadian kata

fonem + fonem bentuk  
 akar  
 konvensyen  
 masyarakat  
 secara mutual  
 dialek

kata ambilan dari bahasa asing

(Lampiran 1)

28




Jadual Penasalan Semahraj bagi Penerapan Awalan me/pe+katadasar

awalan	+ nasal	huruf awal + katadasar	bagi katadasar	hapus	katadasar berawalan me	katadasar berawalan pe
me pe	o	l m n ng ny r w y	lancong makan nanti nganga nyanyi rasa warna yakin		melancung memakan menanti menganga menyanyi merasa mewarna menyakin	pelancong pemakan penantian penyanyi perasa pewarna
me pe	m	b f p	basuh faham pintas	f p	membasuh memaham pintas	pembasuh pemahaman pintas
me pe	n	c d j t z	cuci dapat jawab tulis ziarah	t	mencuci mendapat menjawab tulis menulis ziarah	pencuci pendapat penjawab tulis penziarah
me pe	ng	a e i o u g h k	ambil ekor ikut olah ubat gunting habis kumpul	k	mengambil mengekor mengikut mengolah mengubati menggunting menghabiskan mengumpul	pengambil pengekor pengikut pengolahan pengubat penggunting penghabisan pengumpul
	ny	s	sapu	s	menyapu	penyapu

(Lampiran 2)

29

kata-kata gabungan [sekadar contoh]



1 - Apabila diimbuh jadi senyawa: menyatakan paduan; ketidakadilan; ketidakajuran dsb.

2 - Sama ada "kiasan" atau "simpulan bahasa"

3 - "Saudara mara" ialah kata ulang/ganda

4 - Tidak tercatat dalam DERBM (Dafiar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia)

\* contoh tambahan.

## PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA: SATU KAJIAN KES DI GEYLANG, SINGAPURA

Oleh: Rokzana Bibi

Penyelidikan ini cuba membuat sorotan tentang penggunaan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Melayu di Singapura, iaitu bahasa yang dipilih sebagai bahasa kebangsaan dan salah satu daripada bahasa rasmi di republik itu. Selain daripada itu, penyelidikan ini juga mengkaji tentang beberapa faktor yang menjadi punca kepada kewujudan situasi penggunaan bahasa Melayu yang kianerosot di Singapura.

Tahap keluasan penggunaan bahasa Melayu ini diperolehi melalui soalselidik yang dikemukakan kepada responden di kawasan Geylang Serai. Di samping itu, beberapa wawancara juga telah dilakukan dengan beberapa tokoh bahasa dan tokoh politik di Singapura, antaranya seperti Tuan Haji Sidek Saniff, Tuan Haji Haron Eusofe, Encik Haji Mohd Ariff Ahmad, Encik Suratman Markasan, Dr. Liaw Yock Fang dan lain-lain lagi.

Dapatan dari penyelidikan ini menunjukkan penggunaan bahasa Melayu adalah agak rendah di kalangan masyarakat Melayu di Singapura. Masyarakat Melayu yang sememangnya terdedah kepada bahasa Inggeris di sekeliling mereka, lebih terpengaruh untuk menggunakan bahasa

(Artikel ini adalah sedutan dari latihan ilmiah penulis dari Universiti Kebangsaan Malaysia; tahun akademik 1988/1989)

Inggeris. Melalui data yang diperolehi, sebanyak 58% responden menggunakan bahasa Inggeris dalam pelbagai situasi. Satu hal yang menarik yang dapat dilihat ialah hampir semua responden (98%) menggunakan bahasa Melayu apabila bertutur dengan orang-orang tua. Ini membuktikan konsep yang mereka pegang bahawa bahasa Melayu itu lebih sesuai untuk orang-orang tua yang mungkin tidak berpendidikan. Dalam situasi-situasi lain, majoriti responden yang tergolong dalam generasi muda terutamanya menggunakan bahasa Inggeris.

Kajian ini juga membuktikan peningkatan taraf pendidikan memberi kesan kepada penggunaan bahasa. Responden yang mendapat pendidikan tinggi dari aliran Inggeris khasnya, lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Inggeris dan mengabaikan bahasa Melayu. Dengan sistem pendidikan Inggeris yang mereka terima, responden menjadi ghairah untuk menggunakan bahasa Inggeris sehingga memberi kesan yang negatif kepada bahasa Melayu. Di samping itu, responden juga peka terhadap kemahanan keadaan sekeliling yang sangat mendesak bagi penguasaan bahasa Inggeris.

Satu lagi perkara yang dapat dikesan melalui soalselidik ini ialah aspek jantina tidak langsung memainkan peranan dalam pemilihan bahasa yang dibuat. Tidak ada garis pemisah antara kaum lelaki dengan kaum perempuan dalam soal penggunaan bahasa. Ini berpunca dari penduduk Singapura sendiri yang tergolong dalam masyarakat kosmopolitan dan moden.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa telah wujud satu keseragaman penggunaan bahasa Melayu di Singapura. Ini adalah berikutan dari masyarakat Melayu yang terdiri dari pelbagai kaum itu, tidak lagi atau kurang sekali menggunakan dialek Melayu seperti Boyan, Jawa, Bugis dan sebagainya. (Kurang dari 4% yang menggunakan dan situasi penggunaannya agak terhad).

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa masyarakat Melayu Singapura menyedari betapa pentingnya bahasa Inggeris dalam konteks Singapura. Demi mencapai kemajuan diri dalam segala bidang, mereka mengambil langkah untuk memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris walaupun bahasa Melayu tergadai.

Pemilihan bahasa bagi tujuan komunikasi yang dibuat oleh responden ini berpunca dari pelbagai sebab, antaranya adalah:

## 1. SIKAP PENUTUR BAHASA MELAYU

Majoriti masyarakat Melayu didapati mempunyai sikap negatif terhadap bahasa Melayu. Soal sikap yang negatif terhadap bahasa Melayu ini dipersetujui oleh beberapa ahli bahasa di Singapura, antaranya, Encik Suratman Markasan yang mengatakan:

*... persoalannya, kami kira sama dengan orang yang sedang berbicara dalam bahasa Melayu dengan teman-teman Melayunya sendiri, baik dalam percakapan hari-hari secara tidak formal, maupun dalam keadaan formal seperti dalam majlis mesyuarat, sedang lancar dia menggunakan bahasa Melayu, tiba-tiba dia berbicara dalam bahasa Inggeris, kadang-kadang keseluruhan percakapannya atau kadang-kadang dia ingin menguatkan pendapatannya sahaja. Kami kira yang penting di sini ialah 'sikap' kita terhadap bahasa Melayu atau apa pun bahasanya. 'Sikap' memandang tinggi atau rendah terhadap bahasalah yang menyebabkan seseorang itu meninggalkan bahasanya sendiri dan menggunakan bahasa asing." (Suratman Markasan, 1986 : 1)*

Sikap yang negatif terhadap bahasa Melayu ini telah meninggalkan kesan yang mendalam sekali kepada penggunanya. Ibumanya yang mempunyai sikap seperti ini juga telah mempengaruhi dan mencorakkan pemilihan bahasa anak-anak mereka. Rata-rata kaum bapa atau penjaga anak sekarang kebanyakannya terdiri dari golongan yang berpendidikan Inggeris. Mereka lebih mudah menyampaikan atau mengeluarkan pendapat dalam bahasa Inggeris. Oleh itu semasa bertutur dengan anak-anak pun, mereka sangka mereka patut membantu anak-anak mereka dalam pelajaran bahasa Inggeris, maka mereka memilih bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka.

## 2. KEPENTINGAN BAHASA INGGERIS DI SINGAPURA

Seperti yang diketahui, Singapura adalah sebuah negara yang tidak mempunyai sebarang sumber semulajadi untuk menampung ekonomi

negara. Singapura terpaksa mencari jalan lain, iaitu melalui perdagangan, perindustrian dan berperanan sebagai pusat perkhidmatan (service centre) bagi membangunkan aktiviti ekonomi. Di samping itu, Singapura juga sedang pesat berkembang dalam bidang sains dan teknologi. Selain dari faktor ekonomi dan modenisasi tadi, hubungan antarabangsa juga menjadi ciri yang penting bagi pembangunan negara Singapura. Dalam semua aspek aktiviti yang dikemukakan ini memerlukan penggunaan bahasa Inggeris secara keseluruhannya. Dengan itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa bahasa Inggeris sangat luas penggunaannya dan memainkan peranan yang sangat penting dalam konteks Singapura.

Dengan status dan prestijnya yang tinggi serta kepentingannya dalam pelbagai bidang, maka dapat kita fahami sebab-sebab masyarakat Melayu yang sedaya upaya cuba menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan pada masa yang sama telah mengabaikan bahasa Melayu.

### 3. BAHASA MELAYU KURANG NILAI EKONOMI

Oleh kerana bahasa Inggeris sangat pesat digunakan dalam semua bidang dan lapangan, maka bahasa-bahasa lain telah agak diketepikan. Hal yang sama juga berlaku terhadap bahasa Melayu. Bahasa Melayu sekarang ini tidak lagi diperlukan dalam lapangan pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta. Penguasaan bahasa Inggeris yang baik adalah menjadi syarat dalam melamar pekerjaan di Singapura. Soal kekurangan nilai ekonomi bahasa Melayu dalam pasaran kerja ini amat menonjol sekali dan disedari oleh setiap golongan masyarakat di Singapura. Hal ini telah memberi kesan kepada penumpuan yang telah mendalam terhadap bahasa Inggeris.

### 4. PENGHAPUSAN ALIRAN PERSEKOLAHAN MELAYU

Penghapusan aliran persekolahan Melayu telah menyebabkan kemerosotan dalam mutu penguasaan bahasa Melayu. Ini adalah berikut dari masa yang singkat diperuntukkan bagi matapelajaran bahasa Melayu yang menjadi bahasa kedua. Masa bagi pelajaran-pelajaran lain seperti matematik, sains, sejarah dan geografi yang semuanya dipelajari dalam bahasa Inggeris adalah lebih lama. Ini bermakna pelajar-pelajar menggunakan bahasa Inggeris lebih kerap berikut dari pendedahan yang lebih luas bagi bahasa Inggeris ini.

Di samping itu, kemasukan dalam sekolah-sekolah Inggeris ini dengan sendirinya memerlukan semua pelajar membaca lebih banyak buku Inggeris untuk keperluan akademik. Hal ini secara tidak langsung menggalakkan atau mempengaruhi para pelajar untuk lebih meminati buku-buku Inggeris. Ini menjadikan lagi penguasaan bahasa Inggeris para pelajar, sementara bahasa Melayu agak terbengkalai. Situasi ini menjadi bertambah buruk apabila ramai pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke universiti tidak berminat dan enggan memilih Jabatan Pengajian Melayu. Ini adalah berikutan dari kekurangan nilai ekonominya.

Bagi pelajar di pusat pengajian tinggi yang mengambil Jabatan Pengajian Melayu ini juga tidak dapat dijamin penguasaan bahasa Melayu mereka akan membanggakan. Ini adalah kerana kursus-kursus dalam jabatan tersebut tidak mengkhusus pada soal bahasa Melayu sahaja, tetapi meliputi aspek sosial, agama dan pendidikan masyarakat Melayu. Malah dalam peperiksaan juga, pelajar-pelajar dari Jabatan Pengajian Melayu dibenarkan menjawab soalan peperiksaan dalam bahasa Inggeris. Ini membuktikan para pensyarah sedar akan kelemahan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajarnya, dan jika tidak diberi peluang untuk menjawab dalam bahasa Inggeris, kemungkinan besar pelajar-pelajarnya akan gagal mendapatkan markah yang baik dalam kursus tersebut. Jelas kepada kita di sini bahawa kursus-kursus dalam Jabatan Pengajian Melayu tidak banyak membantu mempertingkatkan kebolehan berbahasa Melayu di kalangan golongan Melayu yang berpendidikan tinggi.

Status bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam sistem pelajaran sekarang juga menjadi salah satu faktor yang menyebabkan bahasa Melayu kurang mendapat perhatian dari masyarakat Melayu suatu perkara yang dikhawatir oleh Haji Ismail Mohd, Presiden MUIS (Majlis Ugama Islam Singapura) telah pun berlaku sekarang. Beliau pernah berkata:-

*“Dengan bertambahnya bilangan pelajar yang mengambil bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah dikhawatir mutu pertuturan dan penulisan dalam bahasa Melayu akan merosot. Gejala-gejala tentang berlakunya hal ini mula dirasai sekarang dengan memerhatikan kegiatan sastera dan bahasa Melayu di tanahair, yang mulai berkurangan dan keluputan tenaga.” (Hj Ismail Mohd, 1982 : 6)*

Tuan Haji Sidek Saniff sendiri mengakui kewujudan situasi ini dan telah membuat kenyataan berikut:

*"Oleh kerana Singapura mengamalkan sistem dua bahasa dalam pelajaran, maka kesannya ialah terlalu sedikit pelajar yang boleh menguasai kedua-dua bahasa dengan baik. Tidak dapat tidak, nilai bahasa kedua itu terjejas." (Sidek Saniff, wawancara).*

Dapat dikatakan di sini bahawa dengan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua telah menimbulkan kesan psikologi pada masyarakat Melayu. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kedua telah menimbulkan persepsi bahawa bahasa Melayu tidak penting atau kurang penting, dan dengan sendirinya akan mengurangkan minat atau usaha bagi menguasainya atau menggunakan. Hasil dari keadaan inilah yang menyebabkan nilai bahasa Melayu itu jatuh dari sudut pandangan masyarakat Melayu.

Jelas kepada kita di sini bahawa sikap negatif terhadap bahasa Melayu dan positif terhadap bahasa Inggeris ini adalah berpunca dari kekeliruan masyarakat Melayu terhadap situasi ekonomi dan iklim modenisasi, serta sistem pelajaran. Dengan keadaan sekeliling yang amat menekankan kepentingan bahasa Inggeris ini telah menyebabkan terjejasnya kewibawaan bahasa Melayu.

### 5. SUKATAN PELAJARAN BAHASA MELAYU

Oleh kerana bahasa Melayu dipelajari di peringkat bahasa kedua, maka sukatannya adalah dua tahun lebih rendah dari bahasa pertama. Dengan ini sudah tentulah matapelajaran bahasa Melayu dirasakan agak mudah oleh para pelajar, sebaliknya matapelajaran bahasa Inggeris pula dirasakan agak sukar kerana sukatan pelajarannya yang agak tinggi. Inilah yang menyebabkan pelajar sering mengambil sikap tidak peduli terhadap bahasa Melayu sehingga mereka menganggap bahawa mereka boleh lulus subjek bahasa Melayu dengan mudah.

Sukatan pelajaran yang rendah bagi bahasa Melayu ini juga menyebabkan pelajar tidak berpeluang menguasai kemahiran yang lebih tinggi lagi dalam bahasa Melayu. Perkara ini juga telah mematikan

semangat dan usaha untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih tekun. Pelajar sering merasakan bahawa mereka tidak perlu sebarang usaha sampingan untuk lulus dalam bahasa Melayu. Ini menyediakan peluang kepada mereka untuk menumpukan perhatian yang lebih kepada bahasa Inggeris dan salah satu cara yang sering dilakukan ialah dengan mempraktikkan bahasa Inggeris dalam pertuturan sehari-hari. Fakta ini disokong oleh Encik Abbas Mohd Shariff yang menyatakan:-

*"...Maka dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa taraf pencapaian bahasa Melayu sebagai bahasa kedua itu terlalu mudah dan rendah untuk pelajar-pelajar Melayu. Sukatan pelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sekarang ini hanya dapat mencapai matlamat peperiksaan tetapi tidak dapat menjamin pelajar-pelajar Melayu dapat menguasai dan menggunakan bahasanya dengan baik." (Abbas Md Shariff, 1988 : 3).*

### 6. KEUPAYAAN GURU-GURU BAHASA MELAYU

Dengan terhapusnya aliran persekolahan Melayu, maka guru-guru pelatih bagi mengajar bahasa Melayu terpaksa diambil dari bekas pelajar-pelajar yang beraliran Inggeris. Ini bermaksud guru-guru dari golongan ini juga telah mengambil bahasa Melayu di peringkat bahasa kedua sahaja. Keupayaan guru-guru seperti ini agak diragukan dan jika mereka tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan sepenuhnya, maka ini akan menimbulkan kesan yang lebih buruk kepada para pelajar. Ini akan menjelaskan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut ke tahap yang lebih rendah lagi.

Encik Haji Mohd Ariff Ahmad sendiri telah menyuarakan kebimbangan beliau mengenai isu ini. Menurut beliau, apabila sampai waktunya bagi guru-guru Melayu dari lulusan MPSI (Maktab Perguruan Sultan Idris) dan juga dari aliran persekolahan Melayu bersara, maka akan wujud situasi yang sangat membimbangkan bila bahasa Melayu diajar sepenuhnya oleh guru-guru dari aliran Inggeris ini. Beliau khuatir guru-guru tersebut tidak berupaya mencapai tahap yang sepatutnya.

## 7. KEWUJUDAN MASYARAKAT MAJMUK DI SINGAPURA

Satu lagi perkara yang secara tidak langsung mempengaruhi penggunaan bahasa, ialah faktor masyarakat majmuk yang wujud di Singapura. Kebanyakan bangsa asing ini tidak boleh berbahasa Melayu, maka bagi tujuan interaksi bahasa Inggeris lebih sering digunakan. Oleh kerana hubungan atau interaksi dengan pelbagai kaum ini berlaku setiap hari seperti di tempat kerja tempat-tempat awam dan sebagainya, maka penggunaan bahasa Inggeris menjadi semakin luas.

Keadaan ini menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai satu kebiasaan bagi masyarakat Melayu; dan tidak hairan apabila kebiasaan ini dilanjutkan dalam pertuturan di kalangan sesama orang Melayu sendiri.

Dapat disimpulkan di sini bahawa pelbagai faktor yang telah dikemukakan menjadi sebab atau alasan kepada situasi bahasa di Singapura pada masa ini. Untuk memenuhi kehendak kehidupan dunia, keadaan alam sekeliling yang mendesak dan bagi tujuan-tujuan tertentu, bahasa Inggeris telah menjadi suatu keutamaan dan keperluan dalam hidup masyarakat Melayu. Dengan memberikan keutamaan kepada bahasa Inggeris ini, bahasa Melayu telah menerima akibatnya dan telah diketepikan. Hal inilah yang menjadi suatu dilema bagi masyarakat Melayu di Singapura sekarang ini.

Situasi penggunaan bahasa Melayu di Singapura yang berada dalam keadaan agak genting itu telah mendapat perhatian dari pelbagai pihak. Berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh pemerintah sendiri dan juga badan-badan pertubuhan Melayu untuk menjamin pengekalan taraf dan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.

Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pemerintah adalah seperti:-

1. Kursus Bahasa Melayu bagi pegawai-pejawai kanan.
2. Penubuhan Institut Perkembangan Kurikulum Singapura(CDIS).
3. Penilaian dan lawatan ke sekolah-sekolah.
4. Bengkel untuk para guru.
5. Mengadakan seminar dan ceramah.
6. Kegiatan luar darjah (Pertandingan seperti bercerita, menulis esei, kuiz

7. Menjadikan kelulusan dalam bahasa Melayu sebagai syarat untuk melanjutkan pelajaran.
8. Menubuhkan Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS).

Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh badan-badan pertubuhan Melayu pula adalah seperti:-

1. Projek hadiah satera.
2. Menganjurkan Kuliah Liguistik.
3. Menganjurkan projek Bulan Bahasa.
4. Mengadakan majlis Apresiasi Bahasa dan Sastera.
5. Mengadakan ceramah-ceramah dan forum-forum bahasa.

Hasil dari penyelidikan ini, beberapa usul telah dibuat untuk memperbaiki situasi bahasa Melayu di Singapura, antaranya ialah:-

1. Keberkesanan sukanan pelajaran bahasa Melayu harus dikaji semula.
2. Skop pelajaran bahasa Melayu harus diperluaskan dengan memasukkan bidang sastera Melayu dalam subjek bahasa Melayu.
3. Mengubah istilah bahasa kedua kepada bahasa ibunda.
4. Mempertingkatkan mutu dan kuantiti pendedahan media massa dalam bahasa Melayu.
5. Masyarakat Melayu seharusnya melenyapkan perasaan rendah diri atau '*inferiority complex*' bila bertutur dalam bahasa Melayu.

### Rujukan

1. Afendras, E.A. *Language and Society in Singapore*, Singapore University Press, Singapore, 1990.
2. Abbas Md Shariff, "Teknologi Pendidikan", Kertaskerja Seminar Pengajaran Bahasa Melayu, di Singapura, 1988.
3. Doraisamy, T.R., *150 Years of Education in Singapore*, Stamford College Press, Singapore, 1969.
4. Gwee Yee Hean, *Trends in Singapore Proceedings and Background Paper*, Singapore University Press, Singapore, 1975.
5. Lee Kok Cheong, *Language and Language Education*, Singapore University Press, Singapore, 1983.
6. Suratman Markasan, "Perkembangan Bahasa Melayu di Singapura, Dulu, Sekarang dan Akan Datang." Forum Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Singapura, 1983.

# **MEMBINA DAN MENGGALAKKAN KEBOLEHAN MEMBACA DAN BERFIKIR ANAK-ANAK**

Oleh: Kasmadi Haji Nasir

## **1. PENGENALAN**

Ada dua tujuan pembacaan. Pertama, membaca dengan tujuan untuk mendapatkan pengetahuan atau informasi mengenai sesuatu perkara dan kedua, membaca dengan tujuan mendapatkan keseronokan/kenikmatan seperti membaca novel, cerpen, sajak dan sebagainya.

Membaca adalah satu kemahiran asas yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran oleh kerana kemahiran ini mendasari pembelajaran hampir kesemua mata pelajaran yang diajar di dalam sistem pelajaran formal. Dengan kata lain untuk mengikuti kursus di dalam hampir kesemua mata pelajaran seseorang pelajar itu perlu boleh membaca dengan baik.

Pembacaan adalah asas penting pembelajaran. Ada kajian-kajian yang menunjukkan perkaitan yang erat di antara pembacaan dengan kejayaan dalam pelajaran. Secara umum telah didapati bahawa pelajar yang lemah membaca juga lemah di dalam pelajarannya sementara pelajar yang baik membaca mempunyai prestasi yang baik juga di dalam pelajarannya.

Dengan kata lain murid-murid yang baik pembacaannya berkemungkinan besar berjaya dalam pelajarannya dan murid-murid yang lemah di dalam pembacaan berkemungkinan besar tidak akan berjaya di dalam pelajarannya.

## **2. PERKAITAN PEMBACAAN DENGAN KEBOLEHAN BERFIKIR**

Pembacaan pada asasnya adalah kegiatan untuk mendapatkan makna daripada bahan yang sedang dibaca. Pengkaji-pengkaji pembacaan mengatakan bahawa membaca adalah aktiviti yang kompleks. Semasa membaca si pembaca sentiasa, secara mental, bertindakbalas terhadap perkataan, frasa dan ayat dengan mencipta "makna tertentu sebagai respon terhadap bahan yang dibaca. Semasa membaca seseorang itu perlu menggunakan pengetahuan latar, penguasaan bahasa yang digunakan di dalam bahan bacaan serta daya pemikirannya untuk memahami apa yang sedang dibaca.

Pembacaan memerlukan dan pada masa yang sama mengembangkan daya berfikir pembaca. Pembacaan mementingkan pemikiran peringkat tinggi. Pembacaan memerlukan komunikasi sesuatu perutusan atau pengungkapan makna yang berlaku pada beberapa tahap iaitu dari tahap kefahaman literal kepada tahap interpretasi; dari tahap interpretasi konkrit kepada tahap interpretasi yang abstrak.

Selain sebagai proses pemikiran, pembacaan boleh juga ditinjau sebagai proses komunikasi dalam mana bahasa memainkan peranan yang penting. Pembacaan melibatkan interaksi di antara penulis dengan pembaca. Ia merupakan puncak komunikasi yang dimulakan oleh pengarang dan diungkapkan melalui simbol-simbol di muka surat. Jika tidak ada pembaca komunikasi melalui cetakan tidak akan terjadi. Memandangkan perkaitan yang erat di antara proses pemikiran dengan pembacaan maka di dalam ceramah ini akan disentuh kedua-duanya dengan penekanan yang lebih diberikan kepada proses pemikiran.

## **3. JENIS-JENIS MEDIA SERTA PERKAITANNYA DENGAN PEMBINAAN DAYA MEMBACA DAN BERFIKIR ANAK-ANAK**

Di dalam zaman moden ini terdapat berbagai jenis media yang digunakan untuk bacaan. Seperti yang kita ketahui terdapat berbagai jenis

media cetak seperti buku, suratkhabar, majalah, komik, risalah-risalah dan sebagainya dan hasil daripada kemajuan elektronik terdapat media elektronik seperti televisyen, teletexts", komputer dan permainan video. Di sini akan dibincangkan sebahagian sahaja dari media-media tersebut.

### 3.1 Suratkhabar

Suratkhabar adalah satu bahan bacaan yang sesuai untuk semua peringkat umur. Untuk menggunakan suratkhabar secara efektif ibu bapa harus bertanya pada anak mereka soalan-soalan seperti: Apakah bahagian daripada suratkhabar yang dia gemar? Apakah tajuk yang tersiar di suratkhabar yang dia masih ingat? Sejauh mana dia percaya apa yang dibaca di dalam akhbar? Adakah dia suka untuk mengetahui lebih lanjut tentang sesuatu yang tersiar di dalam akhbar? Berdasarkan jawapan yang diberi dapat dikenalpasti bahagian suratkhabar yang digemari oleh anak dan bahagian inilah yang mesti digunakan.

Ada beberapa cara yang dapat dijalankan berhubung dengan penggunaan suratkhabar. Satu cara ialah menggunting berita-berita yang menarik dan kemudian menggunting berita itu mengikut perenggan-perenggan yang terdapat. Anak boleh disuruh membaca berita dan disuruh menyusun mengikut urutan yang sesuai. Latihan ini melatih anak-anak membaca dan menggunakan daya pemikirannya untuk menyusun mengikut urutan yang betul.

Anak boleh juga disuruh membaca bahagian akhbar yang mengiklankan pertunjukan filem di pawagam-pawagam. Berdasarkan pada gambar serta bahasa yang sedikit yang digunakan anak boleh diminta pendapatnya untuk menyatakan kisah yang mungkin terdapat di dalam sebuah filem. Untuk memastikan kisah yang sebenarnya yang terdapat di dalam filem itu anak boleh diajak menonton.

Anak boleh juga disuruh menukar kepala berita menjadi soalan. Kemudian dia boleh disuruh membaca untuk memastikan sama ada soalan itu terjawab di dalam berita yang penuh. Juga berdasarkan pada peringkat umur dan minat anak, ibu atau bapa yang membaca suratkhabar bersama anaknya boleh menutup berita penuh dan hanya memperlihatkan tajuk atau kepala berita. Anak disuruh

menyatakan apakah kandungan berita penuh yang terdapat di bawahnya.

Pilih rencana atau berita di dalam suratkhabar yang sesuai dengan minat dan peringkat perkembangan anak. Ibu mengatakan pada anaknya beliau tidak dapat membaca rencana atau berita itu kerana sibuk membuat kerja di dapur. Sedang ibu membuat kerja anak yang juga bersama ibunya di dapur disuruh membaca dengan kuat. Setelah membaca ibu bertanya pada anaknya tentang bahagian-bahagian tertentu di dalam rencana atau berita itu. Ini melatih anak membaca dan mengingat bahan yang telah dibaca.

### 3.2 Komik

Komik juga adalah satu media yang sesuai untuk membina dan mengembangkan kebolehan membaca dan berfikir anak-anak. Tetapi ibu bapa perlu berhati-hati jika terdapat penggunaan bahasa yang tidak sesuai atau salah di dalam sesebuah komik. Ibu bapa perlu memberitahu bentuk yang betul supaya diketahui oleh anak. Bagaimanapun jika anak suka membaca bahagian itu, dia tidak harus dilarang atau ditegah oleh kerana pembacaan yang mendatangkan keseronokan atau kenikmatan adalah salah satu tujuan penting aktiviti membaca.

Satu aktiviti yang dapat dijalankan ialah menggunting dan memisah-misahkan gambar-gambar yang terdapat di dalam komik. Anak disuruh menyusun semula gambar-gambar itu untuk menjadi cerita yang munasabah. Selain dari ini gambar terakhir sahaja ditiadakan dan anak disuruh meneka kesudahan cerita yang terdapat di dalam kartun bercerita.

Untuk menggalakkan perkembangan bahasa lisan anak-anak, dialog yang terdapat di dalam komik boleh dibaca oleh anak-anak atau anak dengan ibu atau bapa secara bergilir-gilir. Anak boleh disoal tentang perkara-perkara tertentu yang terdapat di dalam komik misalnya benarkah sesuatu kejadian itu boleh berlaku, mengapa seorang watak melakukan sesuatu dan sebagainya. Melalui soalan-soalan seperti ini kita menggalakkan perkembangan pemikiran atau daya kognitif anak-anak.

### 3.3 Majalah

Berbagai jenis majalah diterbitkan untuk berbagai jenis bidang atau aktiviti. Dari masa ke masa semakin banyak majalah yang diterbitkan membincangkan bidang-bidang yang baru. Majalah yang diterbitkan khusus untuk murid-murid sekolah sesuai digunakan untuk kemahiran membaca anak-anak oleh kerana mereka menjadi kumpulan sasaran penerbit majalah. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan berhubung dengan akhbar boleh dijalankan untuk majalah. Jika sekiranya seorang ibu atau bapa tidak berpelajaran Inggeris, anak boleh disuruh membaca rencana atau cerita yang terdapat dalam majalah dan kemudian memberitahu ibu atau bapanya mengenai apa yang telah dibaca.

### 3.4 Televisyen

Televisyen, seperti yang kita sedia maklum sering menjadi sasaran kritikan golongan yang mengutamakan pembacaan. Ia dianggap menjadikan ramai orang bersikap pasif, mengurangkan interaksi antara ahli-ahli dalam sebuah keluarga dan sebagainya. Bagaimanapun satu kenyataan yang tidak dinafikan ialah televisyen akan terus berada bersama kita untuk jangka waktu yang lama. Oleh itu kita tidak dapat mengelakkan diri dari dipengaruhi oleh rancangan televisyen.

Walaupun pada umumnya memang benar bagi kebanyakan orang masa untuk membaca atau mungkin minat untuk membaca berkurang dengan adanya televisyen tetapi telah didapati ada rancangan televisyen yang menggalakkan pembacaan. Sebagai contoh apabila siri televisyen "The Roots" disiarkan, penjualan buku cerita tersebut bertambah. Begitu juga siri-siri televisyen yang lain seperti "Little House On the Prairie" dan lain-lain. Ini membuktikan minat membaca bertambah sebagai akibat langsung dari siaran televisyen siri-siri itu. Selain dari siri-siri untuk orang dewasa, terdapat juga siri-siri televisyen yang ditujukan khusus untuk kanak-kanak yang juga diterbitkan dalam bentuk buku atau komik. Oleh itu adalah baik jika ibu bapa membeli buku atau komik yang berkaitan dengan sesuatu siri kanak-kanak untuk bacaan anak-anak terutamanya siri yang mereka gemari.

Di dalam siaran televisyen terdapat teks yang boleh dibaca seperti siaran SBC Texts, senarai siaran rancangan televisyen dan iklan-iklan yang menggunakan sedikit teks untuk dibaca. Anak boleh disuruh membaca teks-teks tersebut jika sesuai dengan peringkat umur dan taraf penguasaan bahasanya. Dengan cara ini juga kosa kata dapat ditambah.

Berdasarkan kepada minat anak-anak terhadap sesuatu rancangan televisyen minat membaca mereka boleh dipupuk oleh ibu bapa. Misalnya jika seorang anak berminat pada rancangan televisyen mengenai hal-hal luar biasa seperti rancangan raksasa Loch Ness atau raksasa-raksasa lain buku-buku seperti "The Greatest Monsters in the World", "The Monster of Loch Ness" dan "Monsters, Mysteries and Man" boleh dibeli dipinjam dari kutubkhana untuk bacaan anak. Jika sekiranya anak ingin mengetahui mengenai pembikinan dan siaran rancangan televisyen, ibu bapa boleh menyuruh anak mereka membaca buku "The Incredible Television Machin" oleh Lee Polk dan Eda Le Shan dan buku "Television Magic".

Rancangan pendidikan melalui televisyen yang terdapat di negara kita adalah mengenai pelajaran yang dipelajari oleh murid-murid di sekolah. Tetapi di Amerika Syarikat terdapat bahan-bahan pengajaran yang disediakan oleh stesen-stesen televisyen di sana yang menggunakan bahan-bahan siaran yang diminati ramai seperti diambil cuplikan-uplikan daripada rancangan "M\*A\*S\*H", "The Waltons", "Shogun", "Roots" dan "Starsky and Hutch" dan bahan-bahan itu digunakan di dalam bilik darjah untuk meningkatkan kemahiran mereka membaca dan bertukar-tukar fikiran melalui perbincangan.

Sebenarnya siaran televisyen kaya dengan bahan-bahan yang boleh digunakan dengan cara yang berfaedah terutamanya untuk membina daya kritisil anak-anak serta membina penguasaan bahasa mereka di dalam keempat-empat bidang kemahiran berbahasa. Satu perkara yang penting ialah jangan menimbulkan taggapan bahawa menonton televisyen adalah satu aktiviti yang "salah" atau membuang waktu. Apa yang penting ialah bagaimana ibu bapa dapat mengadakan aktiviti-aktiviti yang berfaedah bagi anak-anak melalui siaran televisyen.

#### 4. STRATEGI MEMBINA KEBOLEHAN MEMBACA ANAK-ANAK

Oleh kerana sangat erat perkaitan di antara pembacaan dengan daya berfikir kedua-dua perkara terutamanya pembacaan harus dibina di dalam diri kanak-kanak semasa mereka masih kecil lagi dan belum memasuki tadika atau sekolah rendah. Dengan membina kedua-dua kemahiran tersebut ini sudah semestinya akan dapat membantu kanak-kanak itu apabila mereka mengikuti pelajaran formal di sekolah rendah.

Membaca bukanlah satu aktiviti yang boleh berlaku secara semuljadi seperti berjalan, berlari dan lain-lain. Ianya perlu dipupuk dan dibina secara sistematis dan teratur supaya kemahiran itu dapat dikuasai oleh seorang kanak-kanak. Kajian-kajian yang telah dijalankan sejak akhir tahun 50-an menunjukkan kanak-kanak yang kecil boleh dilatih mengenal huruf, perkataan dan seterusnya boleh membaca.

Kanak-kanak yang masih kecil berumur satu atau dua tahun dapat dididik melalui dua cara: (a) mengantar anak-anak ke pusat-pusat perkembangan kanak-kanak, (b) mengadakan pegawai-pegawai terlatih atau sukarelawan-sukarelawan terlatih seperti yang terdapat di Amerika Syarikat, mengikut cara yang kedua pegawai-pegawai atau sukarelawan-sukarelawan itu pergi ke rumah-rumah dengan membawa alat-alat pengajaran yang sesuai untuk mengajar anak-anak yang berumur satu atau dua tahun. Ibu bapa juga diajar bagaimana menggunakan alat-alat yang terdapat di rumah untuk dijadikan bahan pengajaran dan menggunakan peluang-peluang yang ada dijadikan pengalaman pembelajaran bagi anak-anak.

Pada pendapat saya cara yang kedua lebih sesuai dan lebih efektif dari cara yang pertama oleh kerana ibu bapa diberikan kemahiran-kemahiran khusus untuk menjadi guru pertama yang berkesan pada anak-anak mereka. Melalui cara yang kedua lebih ramai ibu bapa yang dapat dilibatkan dalam projek mengajar anak-anak. Jika diadakan di pusat perkembangan kanak-kanak bilangan ibu bapa yang dapat menyertai adalah terbatas terutamanya ibu bapa yang masih muda yang kebanyakannya bekerja. Golongan ibu bapa yang masih muda inilah yang perlu menjadi kumpulan sasaran jika projek seperti ini ingin dijalankan.

Projek seperti ini sesuai dijalankan di negara kita dengan diadakan pegawai-pegawai atau sukarelawan yang terlatih di setiap kawasan perumahan. Mereka tidak akan mengalami kesulitan untuk menghubungi keluarga-keluarga muda yang mempunyai anak-anak prasekolah.

Di Amerika Syarikat projek-projek untuk membantu ibu bapa menjadi guru pertama yang berkesan bagi anak-anak mereka telah dijalankan sejak tahun 60-an. Beberapa contoh yang dapat dinyatakan di sini adalah seperti Yakima Home Base Programme di Washington bermula pada tahun 1971; Project Early Push di New York pada tahun 1966; Mother-Child Verbal Interaction Project pada tahun 1967; Project Portage di Wisconsin untuk anak-anak kecil sejak mereka lahir hingga berumur 6 tahun. Satu projek yang mencakup semua aspek perkembangan anak-anak di kalangan kaum minoriti dilaksanakan oleh pemerintah pusat (Federal Government) Amerika Syarikat ialah Project Head Start yang dilaksanakan pada tahun 1965.

#### 5. PENUTUP

Oleh kerana pembacaan sangat penting bagi perkembangan intelektual dan kemajuan pelajaran anak-anak, ibu bapa perlu mendidik dan menamakan minat membaca anak-anak sejak mereka masih kecil lagi. Kajian-kajian yang telah dijalankan seperti Hess dan lain-lain (1971), Schaefer (1971), Evans (1975) menunjukkan bahawa anak-anak yang terlibat dengan projek-projek di rumah seperti yang dinyatakan di atas mempunyai taraf pencapaian dan kecerdasan yang lebih tinggi daripada anak-anak yang tidak terlibat di dalam projek-projek seperti itu dan taraf pencapaian itu dapat dikekalkan semasa anak-anak itu berada di sekolah rendah.